



MENANGANI PERSEPSI MASYARAKAT DARI SUDUT ISLAM

FAKHRURRAZI BINYUSOF

PEGAWAI KHIDMAT NASIHAT DAN RUNDINGCARA
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

MEMAHAMI KONSEP AMANAH

“ Sesungguhnya kami telah mengemukakan amanah kepada langit, bumi dan gunung ganang, maka semuanya enggan untuk memikul amanah tersebut dan mereka bimbang akan mengkhianatinya dan **(akhirnya) di pikul amanah itu oleh manusia,** sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat jahil”

(Surah Al-ahzab: ayat 72)

TANGGUNGJAWAB KE ATAS AMANAHA

تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُمْ مَا
كَسَبْتُمْ وَلَا تُسْأَلُونَ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ

“Itu adalah umat yang telah lalu; baginya apa yang diusahakannya dan **bagimu apa yang kamu usahakan**; dan kamu tidak akan diminta bertanggung jawab tentang apa yang telah mereka kerjakan.”

(Al-Baqarah Ayat 141)

APAKAH YANG PALING BERAT DI DUNIA?

CUIT-CUIT

Oleh NUDIN



عَنْ رَافِعِ بْنِ خُدَيْجٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ
الْكَسْبِ أَطْيَبُ ؟ قَالَ عَمَلُ الرَّجُلِ بَيْنَ مَبْرُورٍ

Daripada Rafiq bin Khudaij r.a, beliau berkata ;
“Ditanya kepada Rasulullah s.a.w, Apakah usaha
(pekerjaan) yang lebih baik?” Rasulullah s.a.w
menjawab : **“Pekerjaan seseorang dengan
tangannya dan semua jual beli yang mabrur
(baik dan telus)”**
(Riwayat al-Hikam)

KEMULIAAN **SELAYAKNYA UNTUK** **PEKERJA YANG BAIK**

Al Kisah:

Tangan yang dicium oleh Rasulullah SAW- perang khandak

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ إِذَا عَمَلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ

Daripada Aisyah r.a katanya ;” Sabda Rasulullah s.a.w :“ Sesungguhnya Allah s.w.t mengasihi seseorang yang **apabila melakukan sesuatu kerja dilakukan dengan baik.**” (al-Baihaqi)

Tauladan terbaik adalah **RASULULLAH S.A.W**

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu **pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik**, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

(Al Ahzab : 21)

ELEMEN PENTING *dalam* **DIRI RASULULLAH S.A.W**

F.A.S.T

- **Fatanah** : Bijaksana & pengetahuan (*limau masam/ hajarul aswad/pss*)
- **Amanah** : Amanah (*kisah berniaga di syam*)
- **Siddiq** : Benar & Jujur (*kisah dakwah ahli keluarga-jabal qubais*)
- **Tabligh** : Menyampaikan (komunikasi) –(*uwail ujair – rambut*)

Excellent Organization is the one that has:

- | | |
|-----------------------------|-------------------|
| ✓ A Right Structure | struktur |
| ✓ A Right System | sistem |
| ✓ A Right Job | tugas |
| ✓ A Right Procedure | prosedur |
| ✓ A Right Process | proses |
| ✓ A Right Person | pelaksana |
| ✓ A Right Competency | kompitensi |
| ✓ A Right Place | tempat |
| ✓ At A Right Time | masa |

***Bekerjalah kamu untuk kehidupan dunia
seolah-olah kamu akan hidup selama-
lamanya dan beramallah untuk akhirat
seolah-olah kamu akan mati pada esok
hari.”***

(Saiyidina Ali r.a)

***“ Only those who have the patience to do
simple things perfectly ever acquire the
skill to do difficult things easily.”***

**(“Hanya mereka yang mempunyai kesabaran untuk melakukan
perkara-perkara yang mudah dengan sempurna mampu
memperoleh kemahiran untuk melakukan perkara-perkara yang
sukar dengan mudah.”)**

(Johaann C. Schiller)



LEON
PERSEPSI TIDAK SEMESTINYA TEPAT



cocolate
PERSEPSI TIDAK SEMESTINYA TEPAT

PERSEPSI

antara kebenaran dan tuduhan

BENAR

Terkait dengan:

- Melibatkan hak
- Perlu penjelasan
- Menerima risiko
- Pembetulan


SALAH

Terkait dengan:

- Risiko fitnah dan sangka buruk
- kesabaran
- Pertahan kebenaran
- Penjelasan

**PERSEPSI
IMAN DAN
NAFSU
ADALAH
BERBEZA**

GOD
is our
CEO



قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ
حُفَّتِ الْجَنَّةُ بِالْمَكَارِهِ وَحُفَّتِ النَّارُ بِالشَّهَوَاتِ
(حَدِيثٌ صَحِيحٌ رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

Surga itu dipenuhi dengan orang-orang yang sering melakukan segala yang diperintah oleh Allah S.W.T, manakala neraka pula dipenuhi dengan orang-orang yang sering mengikut kehendak hawa nafsunya

IKUT NAFSU – **BINASA**

IKUT IMAN - **SELAMAT**

RKk

APA YANG MENDORONG PERSEPSI NEGATIF

antaranya :

- **HASIL KERJA**
- **KERAGUAN**
- **RASA TIDAK PUAS HATI**
- **MUSIBAH**
- **PANDANG SISI YANG BERBEZA**

TAWAKAL
ASAS MENANGANI PERSEPSI
SETELAH TUGASAN
DILAKSANAKAN DENGAN
SEBAIKNYA

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ
وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

“Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredhaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. **Dan sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat baik.**”

(Surah al-Ankabut: ayat 69)

BAGAIMANA MENANGANI PERSEPSI MASYARAKAT

BERPEGANG TEGUH KEPADA KEBENARAN DAN KEJUJURAN

- 1. Memberi penjelasan (tabayun)**
- 2. Melakukan secara bersungguh-sungguh**
- 3. Istiqamah (konsistensi)**
- 4. Mengelakkan keraguan**
- 5. Tidak mengambil kesempatan**
- 6. Keberanian menanggung risiko**

PRINSIP **KEBENARAN (SIDDIQ) MAMPU MEMATAHKAN PERSEPSI NEGATIF**

**“... Hai orang-orang yang beriman,
bertakwalah kamu kepada Allah dan
katakanlah perkataan yang benar ...”**
(Al-Ahzab ayat 70)

**“... Kecelakaanlah ke atas orang yang
curang di dalam timbangan...”**
(Al-Muthaffifin ayat 1)



Iktibar



KEKAGUMAN

UMAR AL-KHATTAB KEPADA

REMAJA SI PENGEMBALA KAMBING

& ANAK SI PENJUAL SUSU

- Pengembala kambing diuji oleh Umar r.a – tegas & tidak berani menjual kambing tanpa pengetahuan tuannya .
- Umar r.a mendengar perbualan ibu & anak - Anak penjual susu – tidak setuju dengan cadangan ibunya untuk mencampur susu dengan air (utk tambah hasil jualan) ..
“walaupun Umar r.a tidak tahu... tetapi aku takut kalau Tuhan kepada Umar akan tahu...”

Media perlu utama kebenaran

Islam menuntut berita disampaikan dengan betul, tanpa tokok tambah: Sultan Azlan

Oleh Shamsul Kamal Amarudin
bhnews@bharian.com.my

IPOH: Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, bertitah pengamal media perlu mengutamakan faktor kebenaran dalam tugas mereka kerana bahan disebarkan menerusi media boleh mempengaruhi pemikiran, pandangan dan pendirian anggota masyarakat.

Titahnya, maklumat disampaikan hendaklah sentiasa menjunjung prinsip menghormati fakta, mendukung kebenaran serta diuruskan dengan rasa penuh tanggungjawab kerana media berpotensi menjadi instrumen memupuk keharmonian dan juga mencetuskan persengketaan.

Baginda bertitah, Islam membawa risalah kebenaran dan menuntut ia sentiasa ditegakkan seperti dijelaskan dalam al-Quran yang turut mengandungi peringatan Allah mengenai pengaruh berita, kepentingan menyampaikan maklumat dengan cara betul serta panduan bagaimana sesuatu cara berita dan maklumat itu sepatutnya diuruskan.

"Sifat suka menokok tambah cerita dari sejengkal menjadi sehasta, dari sehasta menjadi sedepa sehingga akhirnya tidak tahu hujung pangkalnya, (kemudian) ditafsirkan pula menurut selera masing-masing, adalah ditegah sama sekali," titahnya.



SULTAN Azlan Shah menyampaikan titah ucapan pada majlis perasmian Muzakarah Ulama dan Cendekiawan Islam 2010 di Ipoh semalam.

Baginda bertitah demikian ketika merasmikan Muzakarah Ulama dan Cendekiawan Islam 2010 bertajuk 'Restorasi Media Dalam Memartabatkan Ummah' sempena Ulang Tahun Ke-82 Keputeraan Sultan Perak, di sini, semalam.

Hadir sama, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun; Raja DiHilir Raja Jaafar Raja Muda Musa dan Raja Puan Muda, Raja Nor Mahani Raja

Shahar Shah. Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir serta isteri, Datin Seri Saripah Zulkifli dan Mufti Perak yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja muzakarah berkenaan, Tan Sri Harussani Zakaria.

Sultan Azlan bertitah, Allah memerintahkan manusia agar meneliti ketepatan dan kesahihan sesuatu berita disampaikan untuk memasti-

kan kebenarannya selain memerintahkan agar maklumat yang betul disampaikan golongan pakar dalam bidang masing-masing.

Baginda bertitah, tindakan itu selaras adab dan aturan dianjurkan Islam dalam menguruskan maklumat dan menyebarkan berita.

Titahnya, pengamal media wajib menjadikan Rasulullah sebagai teladan dan contoh dalam menjalankan tu-

gasan serta menghayati sifat unggul dimiliki Baginda terutama keperibadiannya yang memiliki sifat integriti tinggi sehingga meletakkan kepercayaan ummah terhadap kata-kata disampaikan.

"Sifat 'siddiq, amanah, tabligh dan fatanah' yang dimiliki Baginda hendaklah dijadikan prinsip dan pegangan setiap pengamal media," titahnya.

**Maklumat
disampaikan
hendaklah
menjunjung
prinsip
menghormati
fakta, mendukung
kebenaran, serta
diurus dengan
rasa
tanggungjawab
(Sultan Azlan Shah)**

Kakitangan kerajaan tidak jujur jejas nama baik negara

SURAT PILIHAN

PEGAWAI dan kakitangan kerajaan wajib amanah dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Etika itu perlu mereka pegang demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara.

Malangnya, kebelakangan ini, banyak dilaporkan penyelewengan kakitangan awam yang membabitkan kepentingan orang ramai.

Malah mendukacitakan ia turut membabitkan pegawai kanan dan tinggi sesebuah jabatan kerajaan, badan berkanun atau separuh kerajaan.

Fenomena ini amat membimbangkan kerana secara tidak langsung menampakkan kelemahan daripada aspek moral dan nilai yang menjadi tunggak dalam merealisasikan sebuah negara maju acuan Malaysia.

Apa yang berlaku, seolah-olah tidak menjadi kebimbangan kepada penyeleweng ini, bahkan mereka berasa seolah-olah jika tidak disabitkan kesalahan atau dibebaskan nanti kekayaan sedang menunggu mereka.

Apatah lagi jika mereka memiliki kuasa atau pengaruh yang kuat. Oleh itu, mereka berasa selamat untuk melakukan penyelewengan.

Pada 1991, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan kertas kerja 'Malaysia Melangkah Ke Hadapan' di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, menyatakan sembilan cabaran Wawasan 2020.

Negara kita bukan saja berhasrat untuk maju dari aspek fizikal seperti infrastruktur bangunan, kemudahan awam dan ekonominya. Malah, sama penting ialah kemajuan aspek spiritual dan nilainya.

Ini sebagaimana digariskan dalam cabaran keempat iaitu 'mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warga negaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika paling tinggi.'

Ke mana perginya dasar ini? Apakah ia dilupakan atau hanya sebagai bahan bertulis atau pemanis mulut, sedangkan realitinya tidak berlaku? Di manakah silapnya kelemahan moral dan nilai pegawai yang menyeleweng seperti ini?

Wawasan 2020 yang hendak dicapai itu seharusnya diperoleh secara suci dan bersih seperti diimpikan oleh seluruh masyarakat yang cintakan Malaysia.

Bukannya disaluti dengan rasuah, penyelewengan dan penipuan. Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini, negara pesat dan rancak membina kemajuan. Kemajuan dibina untuk mengangkat tamadun bangsa Malaysia.

Tamadun bangsa yang dibina berasaskan perpaduan dan nilai moral tinggi dalam peradaban manusia. Pegawai tinggi kerajaan atau jabatan yang diberi kuasa dan kepercayaan oleh masyarakat dan rakyat seharusnya tidak mencemarkan kepercayaan itu.

Tumpuan tentunya ke arah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang menentukan pemilihan, pelantikan, sokongan dan peme-

catan pegawai atau kakitangan awam ini.

Apakah bentuk latihan, kursus, seminar dan sebagainya tidak cukup untuk membentuk peribadi dan nilai mulia di kalangan kakitangan awam ini?

Saya kira keadaan belum terlambat untuk mencegah atau membanteras kejadian penyelewengan ini daripada terus berleluasa, berikut digariskan beberapa langkah yang mungkin wajar untuk dipertimbangkan oleh pelbagai pihak.

Pertama, mewujudkan unit pencegahan penyelewengan seperti Biro Pencegahan Rasuah (BPR). Unit ini akan menjalankan siasatan jika ada laporan mengenai unsur penyelewengan.

Kedua, pada masa ini ada juruaudit yang melakukan penyemakan mengenai akaun kementerian atau jabatan berkenaan. Sekiranya ada keraguan kepada akaun, contohnya lebihan perbelanjaan atau perbelanjaan yang tidak masuk akal, mereka mesti melaporkan kepada perbendaharaan atau unit yang dicadangkan tadi.

Kini, tugas juruaudit ini agak longgar dan boleh 'ditutup' dengan sarapan pagi, makan tengah hari, minum petang atau boleh berbincang dengan ketua jabatan berkenaan (tidak semua). Justeru mereka perlu memainkan peranan agar pencegahan penyelewengan dapat diatasi.

Ketiga, dengan bertukar-tukar jawatan pegawai ini (tidak semestinya kenaikan pangkat) bagi tugas atau jawatan yang setaraf dengannya. Contohnya, pegawai tidak boleh memegang jawatan utama lebih tiga tahun.

Keempat, dengan melaksanakan pemanta-

uan khusus sama oleh pegawai JPA atau kakitangan tertentu yang dilantik khas untuk meninjau, menyemak, menyoal atau menyiasat akaun jabatan atau badan itu tanpa memberi amaran kehadiran mereka.

Petugas atau pemantau ini mempunyai 'kuasa khas' tertentu untuk menegur pegawai atasan walaupun pangkatnya lebih tinggi jika ada sebarang keraguan dalam pentadbiran pegawai atasan berkenaan.

Langkah lain yang biasa dijalankan ialah seperti memberikan kursus atau latihan tertentu yang mengandungi nasihat atau amaran supaya mereka mengelakkan penyelewengan.

Temu duga khusus mengenai etika dan nilai sebelum diserapkan sebagai penjawat jawatan utama boleh juga dilakukan.

Lazimnya juga diadakan ceramah atau motivasi atau peringatan tertentu bagi mencegah perbuatan tidak bermoral ini. Penerapan nilai Islam dan agama juga boleh dilaksanakan sebagai benteng rohani mencegah penyelewengan.

Apa juga langkah yang mahu dilaksanakan, penguatkuasaan adalah yang paling utama. Adalah tidak bermakna jika langkah pencegahan tidak dikuatkuasakan seperti memberikan hukuman tertentu yang termaktub dalam undang-undang atau peraturan yang digariskan itu.

Perbuatan penyelewengan ini mesti dicegah kerana ia akan memalukan negara.

MOHD SUBHI MARSAN,
Kuala Lumpur.

Kikis sikap 'lebih kurang' – Najib

am 21/4/2010

TOKYO 20 April – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia lebih mudah mencapai status negara maju jika rakyatnya membuang sikap 'lebih kurang' sebaliknya menjadi masyarakat mementingkan ketepatan seperti di Jepun.

Perdana Menteri berkata, masyarakat mementingkan ketepatan (*precision society*) dan sifat yang diwarisi rakyat Jepun itu menjadi pemangkin Malaysia mencapai status negara maju.

"Kalau ditanya apa pandangan saya mengenai ciri paling penting dalam masyarakat Jepun, jawapan saya ialah ketelitian mereka.

"Kita pula di Malaysia ada istilah 'lebih kurang'. Saya fikir ia tidak serasi kalau kita berhasrat menjadi masyarakat mementingkan ketepatan," kata Najib semasa berucap di Universiti Meiji di sini hari ini.

Majlis itu adalah untuk menyampaikan anugerah doktor kehormatan kepada beliau sempena lawatan rasminya ke Jepun.

Turut hadir isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Pemangku Menteri Luar, Datuk Seri Dr. Rais Yatim; Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Sha-

haruddin Md. Som dan Presiden Universiti Meiji, Hiromi Naya.

Dalam ucapannya, Najib turut mencadangkan supaya idea pembinaan Universiti Malaysia-Jepun yang tertangguh dipertimbangkan semula untuk pelaksanaan sebagai inisiatif baru menambah erat hubungan dua hala.

Perdana Menteri berkata, projek itu penting kerana ia boleh menjadi simbol komitmen kerjasama intelektual yang dinamik antara kedua-dua negara.

"Bagaimanapun, kejayaan usaha ini bergantung kepada kesediaan dan komitmen kita bersama untuk menjadikan ia kenyataan," ujar beliau.

Biarpun projek itu belum terlaksana, Najib tetap memperakui sumbangan besar Jepun dalam sektor pendidikan di Malaysia.

"Jepun memang telah lama menyokong golongan akademik Malaysia baik dalam penyelidikan bersama mahu pun mobiliti tenaga pakar," jelasnya.

Pada masa ini, hampir 2,400 pelajar Malaysia menuntut dalam pelbagai jurusan di Jepun termasuk

150 orang di Universiti Meiji yang juga antara institusi pengajian tinggi terbaik di Jepun.

Najib berpendapat, Malaysia boleh mempelajari kekuatan ilmu sains dan teknologi dari Jepun manakala negara matahari terbit itu pula dapat menimba kemahiran Malaysia dalam pelbagai bidang daripada oseanografi hinggalah pengurusan hutan dan kewangan Islam.

Pada majlis sama, Najib menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi pembukaan pejabat satelit Universiti Teknologi Malaysia (UTM)-Jepun di Universiti Meiji.

Pembukaan pejabat itu memudahkan tenaga akademik berkongsi kepakaran selain kedua-dua pihak mengadakan program dwi-sarjana iaitu UTM menawarkan Sarjana Sains Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan manakala Universiti Meiji pula bagi Sarjana Pentadbiran Perniagaan.

Universiti Meiji yang ditubuhkan pada 1881 mempunyai sembilan pusat pengajian yang setakat ini telah menghasilkan lebih 400,000 graduan. – UTUSAN

Kakitangan awam paling ramai terbabit rasuah

PEMBABITAN pegawai dan kakitangan awam dalam jenayah rasuah melebihi 50 peratus berbanding sektor lain.

Berdasarkan maklumat Badan Pencegah Rasuah (BPR), daripada 58,137 maklumat diterima antara 2000 hingga 2004, 36,018 tohmahan atau 62 peratus membabitkan pegawai dan kakitangan awam.

Kertas siasatan yang dibuka terhadap pegawai dan kakitangan awam walaupun tidak menentu dari setahun ke setahun, sektor awam adalah yang paling banyak disiasat setiap tahun.

Pegawai dan kakitangan awam juga paling ramai ditangkap atas kesalahan jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa iaitu 165 orang pada 2001, 171 orang (2002), 192 orang (2003) dan 242 orang (2004).

Perangkaan itu terkandung dalam kertas kerja bertajuk *Gejala Rasuah dan Penyalahgunaan Kuasa Sektor Awam* yang disediakan Pemangku Pengarah Siasatan BPR, Datuk Zakaria Jaffar.

Sepanjang tempoh lima tahun itu, daripada 828 tuduhan, sektor awam menyumbang sebanyak 51.6 peratus. Daripada 337 jenayah rasuah yang disabitkan di mahkamah, 161 adalah pegawai dan kakitangan awam.

Bagaimanapun, jenayah rasuah membabitkan sektor awam sukar diukur kerana lebih berdasarkan persepsi, bukan hakikat sebenarnya.

Katanya, kadar rasuah dalam sektor awam daripada perspektif BPR diukur berdasarkan maklumat yang diterima, siasatan, tangkapan dan tuduhan membabitkan pegawai dan kakitangan awam.

"Bagaimanapun, ini tidak menggambarkan keadaan rasuah yang sebenar kerana ada kes rasuah yang tidak dilaporkan dan kita tidak tahu perangkaannya," katanya.

Zakaria berkata, bentuk kesalahan rasuah yang kerap dikesan dilakukan kakitangan awam adalah kesalahan meminta, menerima atau bersetuju menerima suapan rasuah se-

“Berdasarkan perangkaan, berbanding sektor swasta, ahli politik dan orang awam, statistik menunjukkan sektor awam paling banyak disiasat, ditangkap dan dituduh”

Zakaria Jaffar

Pemangku Pengarah Siasatan BPR

bagai dorongan melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara berkaitan urusan rasmi.

Mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan menyebut, seseorang pegawai awam dikatakan menerima rasuah sekiranya memperoleh sebarang wang atau benda berharga daripada seseorang tanpa balasan atau pertimbangan sewajarnya.

Mengemukakan dokumen, butiran palsu atau tidak lengkap bertujuan mengelirukan dan memperdaya penerimanya juga termasuk dalam kesalahan rasuah, selain menyalahgunakan kedudukan (nepotisme) untuk kepentingan ahli keluarga serta sekutunya.

Zakaria turut menjelaskan, pemberi rasuah mempunyai niat mengikat penerima kepadanya dan perlakuan itu dibuat secara sulit atau tersembunyi di antara kedua-dua pihak terbabit.

Katanya, pemberi dan penerima rasuah sama-sama memperoleh keuntungan dari segi kewangan dan keistimewaan.

Bagi penerima rasuah, selain mempunyai majikan sah, mereka memiliki satu lagi majikan haram iaitu pemberi rasuah.

"Jenayah rasuah mewujudkan unsur penipuan, pecah amanah, salah guna kuasa dan percanggahan kepentingan peribadi dengan kepentingan majikannya," katanya.

INFO

Penemuan kajian persepsi awam terhadap rasuah di Malaysia 2002

- Kebanyakan responden (81.1 peratus) tiada pengalaman memberi atau menerima rasuah.
- Nilai dan sikap, 86.8 peratus tidak bersetuju menggunakan rasuah untuk memudah atau mendapatkan sesuatu.
- 81.8 peratus bersedia menjadi pemberi maklumat kepada BPR.
- 81.3 bersedia menjadi saksi di mahkamah.
- Hanya 31.1 kakitangan kerajaan bersedia untuk membuat laporan mengenai kegiatan rasuah.
- Penemuan yang membimbangkan, 30.5 peratus pelajar menyatakan sekiranya mempunyai kuasa dan peluang, mereka sanggup menerima rasuah.



Peratusan responden yang terbabit rasuah mengikut kategori

Sektor swasta	13.3 peratus
Parti politik	11.1 peratus
NGO	7.4 peratus
Sektor kerajaan	6.5 peratus

Sumber: Pelan Integriti Nasional



Billions lost

Government losses can reach RM28bil a year – or more due to overpayment

Starprobe
YOUR RIGHT TO KNOW

THE Government could be losing billions of ringgit every year through excessive payments for contracts and procurements for a wide range of things ranging from water tunnels to IT contracts and purchase of computers.

Second Finance Minister Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah acknowledged that the amount is a lot but could not give an exact figure.

Estimates based on government spending indicate that if one assumes overpayment on contracts is just 20%, then the losses could come up to as much as RM28 billion a year.

Other main points from our StarProbe are:

> Hundreds of millions of ringgit in overcharging are taking place for ICT, which is a multi-billion-ringgit industry.

Contract prices can sometimes be more than 50% than if the deals were done on a tender basis.

> Project finance on favourable terms from foreign countries – the so-called soft loans – can result in contractors being restricted largely to those from the country providing financing, resulting in considerably higher costs.

> Open tenders, done properly and with appropriate evaluation, are one of the most effective ways of reducing the costs to government. At least two state governments see great benefits in open tenders.

> Malaysia falls short in comparison with other countries in terms of calling for and disclosure of open tenders and their details. There is no centralised system.

> The Government is keen to cut wasteful spending and will, as far as possible, have open tenders from now on.





Difahamkan kontraktor yang membuat kerja pengubahsuaian kira-kira 3 tahun lalu hanya menyimen lantai kayu lama dan membiarkan bahagian bawah lantai kayu lompong.

Berita Harian 13 Okt. 2010

Seramai 10 murid Sek Keb. Gunung, Alor Setar termasuk 2 patah kaki apabila lantai sekolah berkenaan runtuh.

**Wang tunai
RM40,000.00 telah
diserahkan kepada
kontraktor tebabit
selepas diberi jaminan
kerja-kerja
pengubahsuaian akan
siap dalam tempoh 60
hari.**

**Rumah hanya siap 70
peratus dan 30 peratus
terpaksa menggunakan
khidmat kontraktor lain**

MUKA 28 • UTUSAN MALAYSIA

Dalam Negeri 17/3/2011

Kontraktor rumah diarah bayar RM14,000

PUTRAJAYA 16 Mac - Hasrat seorang guru melihat rumah baharu miliknya diubah suai berkecai apabila kontraktor yang dilantik gagal menyikapkannya, malah dia terpaksa mengeluarkan duit lebih untuk menanggung kos membuang sisa binaan yang ditinggalkan.

Mohd. Faidzul Azree Talib, 27, berkata, dia telah melantik syarikat Selumei Resources pada Ogos tahun lalu bagi melakukan kerja-kerja pengubahsuaian rumah tersebut di Taman Cheras Jaya.

Menurutnya, dia telah menyerahkan



kan wang tunai RM40,000 kepada kontraktor terbabit selepas diberi jaminan kerja-kerja pengubahsuaian akan siap dalam tempoh 60 hari seperti yang terkandung dalam surat perjanjian.

"Malangnya, mereka gagal menyipkan kerja mengikut masa ditetapkan, malah syarikat itu juga menuntut bayaran tambahan RM4,000 kononnya untuk mempercepatkan pro-

ses pengubahsuaian.

"Tanpa berfikir panjang saya hanya menurut permintaan mereka untuk melihat rumah saya siap kerana mahu segera berpindah ke rumah baharu," katanya.

Dia berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri sesi pendengaran kes di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) di sini hari ini.

Tidak tahan dengan kerenah kontraktor terbabit, dia kemudian membuat laporan polis dan membawa kes tersebut ke TTPM dengan harapan mendapat semula lebihan bayaran dan

juga pelbagai ganti rugi ekoran kegagalan syarikat tersebut melakukan kerja-kerja pengubahsuaian.

"Rumah saya hanya siap 70 peratus dan 30 peratus lagi saya terpaksa menggunakan khidmat kontraktor lain, mengikut perkiraan syarikat tersebut perlu mengembalikan sebanyak RM14,000 kepada saya.

"Sudah banyak kali saya berbincang dengan kontraktor tersebut, malangnya mereka memberikan pelbagai alasan dan sehingga kini rumah saya masih gagal disiapkan.

"Oleh yang demikian, saya me-

ngambil keputusan untuk menghentikan proses pengubahsuaian dan membuat laporan polis selain membuat tuntutan di TTPM," katanya yang membeli rumah tersebut pada harga RM170,000.

Setelah selesai mendengar tuntutan tersebut, Presiden TTPM, Quaik Chong Yu, memerintahkan Selumei Resources membayar RM14,067.50 kepada Mohd. Faidzul Azree dalam tempoh 14 hari kerana gagal melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian rumah pelanggannya dengan sempurna.

Siling Mahkamah Majistret di Jasin runtuh

JASIN 6 Jun - Akibat kerja-kerja penggantian bumbung yang tidak mengikut prosedur, beberapa keping siling di Mahkamah Majistret di sini runtuh sewaktu hujan lebat pagi ini.

Kejadian itu bagaimanapun tidak menyebabkan sebarang kecederaan berikutan tidak ada kakitangan yang bertugas pada waktu kejadian.

Ekoran insiden tersebut, semua prosiding di Mahkamah Majistret di sini dipindahkan ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh sehingga kerja-kerja membaiki kerosakan itu selesai.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam yang melawat ke tempat kejadian berkata, insiden itu disedari salah seorang pekerja pembinaan ketika hendak memulakan tugas kira-kira pukul 7 pagi.

Beliau berkata, kejadian ini berpunca daripada kegagalan kontraktor yang melakukan kerja-kerja menggantikan bumbung mengikut prosedur sepatutnya.

"Ini mungkin disebabkan kontraktor mahu menjimatkan kos, kawasan yang telah ditanggalkan (atap) hanya ditutup dengan kanvas tanpa membuang siling lama mungkin kerana masih mahu menggunakannya selepas

ini," katanya kepada pemberita.

Menurut beliau, kerja-kerja menukar bumbung dan pendawaian semula elektrik di mahkamah itu yang bermula pada 13 Mei lalu menelan belanja lebih RM400,000 dan dijangka siap 22 Julai ini.

Sementara itu, tinjauan mendapati runtuh siling berlaku di bilik bicara, kamar majistret, bahagian pentadbiran, ruang menunggu dan bahagian kewangan.

Turut terjejas ialah bahagian kaunter apabila kaca bertaburan dipercayai akibat terkena runtuh siling.

Salah seorang pekerja kontraktor yang enggan dikenali memberitahu, mereka memulakan kerja menurunkan rangka kayu bumbung lama bangunan itu sejak Jumaat lalu.

"Petang Sabtu lalu kami telah memasang kanvas bagi mengelak hujan terkena siling kapur ini apabila sebahagian bumbung ditanggalkan.

"Namun hujan lebat malam tadi mungkin menyebabkan ia gagal menampung jumlah air yang banyak lalu menimpa siling," katanya.

Sementara itu, Hakim Mahkamah Tinggi Melaka, Datuk Halijah Abbas ketika ditemui enggan mengulas lanjut.



MOHD. Ali Rustam meninjau kerosakan siling Kompleks Mahkamah Majistret Jasin yang runtuh dipercayai akibat hujan lebat di Jasin, Melaka, semalam. - UTUSAN/GAIE UCHEL

Ketua Menteri Melaka yang melawat ke tempat itu berkata, kejadian ini berpunca daripada kegagalan kontraktor yang melakukan kerja-kerja menggantikan bumbung mengikut prosedur sepatutnya. Ini mungkin disebabkan kontraktor mahu menjimatkan kos, kawasan yang ditanggalkan (atap) hanya ditutup dengan kanvas tanpa membuang siling lama mungkin kerana masih mahu menggunakannya selepas ini. (UM 7 Jun 2011)





MANAGING PERCEPTION

KESUNGGUHAN DALAM MELAKSANAKAN TUGASAN

“Sesungguhnya Allah sangat mencintai orang yang melakukan sesuatu **pekerjaan yang dilakukan secara *itqan* (tepat, terarah, jelas dan telus)**”

(Riwayat at-Tabrani)

“Sesungguhnya Allah SWT suka kepada seseorang yang **bersungguh dalam pekerjaannya**”

(Riwayat al-Baihaqi)

“Kemudian apabila kamu selesai daripada sesuatu amal soleh, **maka bersungguh-sungguhlah kamu berusaha mengerjakan amal soleh lain** dan kepada Tuhanmu saja kamu memohon (apa yang engkau ingin dan gemarkan).”
(Al-Insyirah :7-8)

usaha mencapai
KESEMPURNAAN

IHSAN

KETIKA MEMIKUL TANGGUGJAWAB

“Ihsan (bekerja dengan baik) itu ialah kamu menyembah Allah SWT seolah-olah kamu melihatNya, tetapi jika sekiranya kamu tidak dapat melihat Nya, maka kamu wajib menyakini bahawasanya Allah SWT melihat kamu”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

MENGHARAP BALASAN HAKIKI

“Dan (tiap-tiap) makhluk yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, iaitu suatu ketetapan (ajal) yang tertentu masanya (yang ditetapkan oleh Allah). Dan (dengan yang demikian) **sesiapa yang menghendaki balasan dunia, Kami berikan bahagiannya dari balasan dunia itu, dan sesiapa yang menghendaki balasan akhirat, Kami berikan bahagiannya dari balasan akhirat itu**; dan Kami pula akan beri balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur.”

(ali Imran ayat 145)

DUNIA

AKHIRAT



Al Kisah:

Kebimbangan Abu Bakar
r.a terhadap ancaman
Allah SWT
-dusun -burung

KEBIMBANGAN terhadap BALASAN

AKHLAK BAIK

DALAM MENANGANI KONFLIK

**“Buruk laku itu menambah
buruknya amalan, sebagaimana
cuka merosakkan madu”**
(Al-Ghazali).

SIFAT-SIFAT MANUSIA MENURUT AL-QURAN (AL-INSAN)

LEMAH

- an-Nisa' :28

LUPA DIRI

- Yunus :12 / Fushilat :45

PUTUS ASA

- Huud :9 / al-Isra':83 / Fushilat :49

INGKAR

- an-Nahl:4

KELAM KABUT

- al-Isra':11 / al-Anbiya':37

KUFUR

- al-Isra' :67 / al-Hajj: 66 / As-Syura:48 /
az-Zukhruf:15 /

'Abasa : 17/ al-'adiyaat :6

KEDEKUT

- al-Isra' :100

MEMBANTAH

- al-Kahfi :54 / Yaasin :77

ZALIM & BODOH

- al-Ahzab :72

DIUJI

-Az-Zumar :49

BERKHAYAL

- an-Najm : 24

RESAH GELISAH

- al-Maarij :19

SUKA BERTANGGUH

- al-Qiyaamah:13

KERUGIAN

- al-Ashr:2

INGATAN DARI RASULULLAH

Dalam diri (jasad) manusia itu ada seketul daging Apabila ia baik maka baiklah jasadnya tetapi jika ia buruk maka buruklah jasad itu seluruhnya itulah **HATI**

(Riwayat Muslim)



Kebahagiaan anda...

- **Bina Hati Untuk Redha**
- **Bina Hati Untuk Syukur**
- **Bina Hati Untuk Sabar**
- **Bina Hati Untuk Istiqamah**
- **Bina Hati Untuk Bahagia**

AKHLAK DALAM BERKHIDMAT

INTIPATI TONGGAK 12 PERKHIDMATAN AWAM

1. MENGHARGAI MASA
2. KETEKUNAN MEMBAWA KEJAYAAN
3. KESERONOKAN BEKERJA
4. KEMULIAAN KESEDERHANAAN
5. KETINGGIAN PERIBADI
6. KEKUATAN SIFAT BAIK HATI
7. PENGARUH TELADAN
8. KEWAJIPAN MENJALANKAN TUGAS
9. KEBIJAKSANAAN BERHEMAT
10. KEUTAMAAN KESABARAN
11. PENINGKATAN BAKAT
12. NIKMAT MENCIPTA

SIFIR CAKAP & BUAT 

CAKAP + BUAT
= SEMPURNA

TIDAK CAKAP + BUAT
= KELIRU

CAKAP + TIDAK BUAT
= SIA-SIA

TIDAK CAKAP + TIDAK BUAT
= MENGELAK

*Semoga Allah S. W. T Akan Memberikan
Yang Terbaik Untuk Kita Semua.
Insya Allah... Amin.*

SEKIAN
-Terima Kasih-